

13 JUL 1998

Mahahtir-Sains

UMAT ISLAM DIMINTA TIDAK TAFSIR SAINS SEBAGAI SUBJEK SEKULAR

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Umat Islam tidak harus mentafsirkan sains sebagai subjek yang bukan Islam dan sekular, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia (sains) bukanlah sekular kerana kita sememangnya digalakkan oleh Islam untuk mempelajari Al-Quran dan Hadith serta mengenai alam semulajadi dan persekitaran. Semua ini sudah tentu bukan struktur agama tetapi adalah struktur sains," kata beliau pada satu jamuan malam di sini sempena Pameran dan Persidangan Sains Islam dan Teknologi Antarabangsa Langkawi, yang akan diadakan Oktober ini.

Persidangan itu anjuran bersama Penempatan Langkawi untuk Ahli Akademik Pelawat, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia (MIGHT) dan Eeman Consult.

Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya bagi umat Islam untuk menguasai pelbagai perkara dalam bidang sains untuk membolehkan mereka maju, membangun dan berada pada tahap yang sama dengan masyarakat bukan Islam.

Beliau berkata umat Islam selalunya gagal mempelajari sains dengan menyeluruh kerana mereka berpendapat ilmu pengetahuan sains tidak berunsurkan Islam.

"Kita percaya bahawa sains ialah apa yang kita pelajari daripada penduduk Eropah...sebenarnya sains diterokai oleh para cendekiawan Islam," kata beliau.

Sambil mengimbas Zaman Pembaharuan, Dr Mahathir berkata penduduk Eropah telah mempelajari daripada banyak penemuan saintifik dunia Islam tetapi umat Islam pula semakin lama semakin terasing daripada dunia sains.

"Kita bukannya bercakap mengenai sains Islam atau satu bentuk sains yang berbeza tetapi ia adalah sains yang sama yang kita pelajari pada masa ini," kata beliau.

Beliau berkata pada zaman dahulu, umat Islam mempelajari dan membangunkan subjek seperti algebra, fizik dan lain-lain tetapi umat Islam masa kini sudah "hilang" kemahiran dan pengetahuan mengenai sains serta sanggup membiarkannya dimonopoli oleh bukan Islam.

"Sains yang kita pelajari pada masa ini kebanyakannya diasaskan dan berdasarkan penemuan para cendekiawan Islam zaman dahulu. Tetapi masyarakat Islam kini telah berubah dan nampaknya sains ialah satu perkara yang asing bagi mereka.

"Saya pasti ada ramai cendekiawan Islam yang mampu menguasai dan membangunkan banyak subjek sains. Ini pasti dapat menyamakan kedudukan umat Islam dengan para cendekiawan di dunia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga berkata pameran dan persidangan itu, yang dikenali sebagai LISTEC, ialah usaha ke arah "kesedaran semula bagi memupuk minat umat Islam dalam bidang sains dan teknologi demi pembangunan manusia, industri dan perdagangan."

"Jika LISTEC berjaya meningkatkan minat umaa Islam dalam bidang sains dan teknologi serta bergandingan dengan bukan Islam dalam bidang itu, ini bermakna LISTEC berjaya dalam memberikan khidmat kepada umat Islam," kata beliau.

Dr Mahathir kemudian melancarkan hompej LISTEC 1998.

LISTEC bertujuan menghimpunkan para saintis, ahli teknologi dan usahawan dari negara-negara Islam dan bukan Islam untuk bertukar-tukar pendapat dan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi.

Persidangan itu yang bertemakan "Sains dan teknologi dan masyarakat

perniagaan Islam ke arah rangkaian dan perkongsian global," akan diadakan di Langkawi pada Oktober ini.

Turut hadir pada jamuan malam ini ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

-- BERNAMA

WNZ NAK